

Jika kerajaan

lemah

BH 25 JUL 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia memerlukan teraju kepimpinan yang teguh, berpengalaman dan kuat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya sekarang, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, amat penting masyarakat majmuk negara ini mempunyai kerajaan yang kuat dan stabil dengan majoriti dua pertiga bagi membolehkannya mara ke hadapan untuk menjamin kemajuan.

"Hanya sebuah negara demokratik yang kuat dapat mewujudkan pembangunan untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika melancarkan Manifesto BN bertemakan *Tradisi Mem-*

Oleh NAZAR ABDUL dan MANJA ISMAIL

bela Rakyat, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, sebuah kerajaan yang lemah hanya akan bermain politik dan berfoya-foya serta sentiasa mencari populariti tanpa berbuat apa-apa yang perlu untuk memajukan negara.

Sebuah kerajaan yang lemah tidak akan membimbing rakyat mengatasi masalah kelembapan ekonomi sekarang, tambahnya.

"Kita boleh lihat negara yang mempunyai kerajaan-kerajaan lemah tanpa menyebutkan nama mereka. Apakah mereka menikmati kemakmuran? Tidakkah berlaku kekecohan, keadaan tidak stabil, bahkan menjadi porak-peranda dan perang saudara? Negara-negara maju sekalipun gagal apabila kerajaan mereka lemah," katanya.

Menurutnya, sebuah kerajaan yang ditubuhkan dengan majoriti tipis sering menumpukan soal-soal politik daripada pentadbiran dan mereka lebih sukakan populariti serta publisiti.

"Sebaliknya, kerajaan yang kuat berani mengambil tindakan untuk kebaikan rakyat walaupun dalam tempoh yang singkat ia tidak popular. Bagaimanapun, dalam jangka masa panjang ia mengun-

tungkan negara dan rakyat," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Pembangkang mahu Malaysia mempunyai kerajaan yang lemah. Kalau mereka memegang teraju pemerintahan, apakah mereka rela memimpin kerajaan yang lemah itu?"

"Apabila pemimpin-pemimpin politik terpaksa berlakon secara tidak sihat untuk mengekalkan kedudukan mereka, negara dan rakyat menanggung sengsara. Sanggupkah kita menghampakan masa depan anak cucu kita?" Tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, salah satu daripada hujah pembangkang untuk mengurangkan majoriti dua pertiga ialah bagi mengelakkan sebuah kerajaan yang terlalu kuat dan boleh menindas rakyat.

Alasan itu, tegasnya, tidak berasas sama sekali kerana sejak lima tahun dahulu kerajaan semakin liberal sehinggakan bukan sahaja pembangkang boleh mengkritik, malah lebih banyak akhbar serta majalah diterbitkan bagi memberi ruang kepada rakyat mengemukakan pandangan mereka.

"Sebagaimana saudara maklum, kita begitu liberal sekarang. Puak pembangkang mengambil kesempatan penuh da-

ripadanya. Tetapi mereka masih juga menuduh kami menindas.

"Kalau pada masa ini kita mendengar pelbagai tuduhan tidak berasas terhadap kerajaan dan pemimpinnya, itu adalah kerana kami tidak melakukan penindasan.

"Kita sanggup bersabar walaupun kadangkang tuduhan mereka bukan sekadar memburukkan imej kerajaan, tetapi memberi kesan terhadap keadaan ekonomi. Namun demikian, kita masih sanggup lagi membenarkan kebebasan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam keadaan sekarang laporan dan ulasan lebih bebas tersiar dalam akhbar dan majalah di negara ini.